



**SIARAN MEDIA
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

**MAJLIS LIQA' MAHABBAH SEKRETARIAT DAKWAH
KORPORAT JAKIM BERSAMA KETUA-KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF SYARIKAT-SYARIKAT KORPORAT MALAYSIA
DAN WAKIL TETAP SDK JAKIM TAHUN 2025**

18 April 2025 / 17 Syawal 1446H

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada hari ini menganjurkan Majlis Liqa' Mahabbah Sekretariat Dakwah Korporat (SDK) JAKIM bersama Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat-Syarikat Korporat Malaysia dan Wakil Tetap SDK JAKIM Tahun 2025 yang berlangsung pada 18 April 2025 (Jumaat), jam 9.00 pagi bertempat di Hotel Bangi Resort, Bangi, Selangor.
2. Majlis yang berkonsepkan "Santai Silaturrahim Aidilfitri" menghimpunkan Jawatankuasa Tertinggi SDK JAKIM, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat-syarikat korporat, serta ahli-ahli tetap Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM. YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) turut hadir bagi menyempurnakan majlis.
3. Penganjuran majlis ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Madani dalam memperkasakan gerakan dakwah negara dengan melibatkan sektor korporat dalam usaha menyemarakkan budaya keilmuan dan membantu golongan yang memerlukan, sama ada dari segi fizikal mahupun sokongan spiritual.
4. Majlis ini turut mencerminkan komitmen dan kesepakatan syarikat-syarikat korporat dalam mendokong agenda pemerkasaan institusi masyarakat Madani melalui pembinaan semula kerohanian dan pengukuhan kekuatan dalaman ummah secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

